

INFO

Panduan Berkaitan Isu Kewangan

Isu Perbankan**Baca terma dan syarat perjanjian dengan teliti**

Anda perlu membaca dan memahami terma dan syarat perjanjian sesuatu produk sama ada berkaitan pinjaman atau pelaburan terlebih dulu sebelum menandatangani sebarang dokumen yang berkaitan.

Tanggungjawab sebagai penjamin

Anda perlu fahami tanggungjawab dan kewajipan anda sebagai penjamin. Sebagai penjamin, anda terikat secara undang-undang untuk membayar balik pinjaman sekiranya peminjam tidak menjelaskan pinjaman berkenaan.

Pendedahan maklumat kewangan

Jangan mendedahkan maklumat kewangan anda seperti nombor akaun, nombor kad kredit, kata laluan akaun dan sebagainya kepada pihak ketiga sama ada menerusi telefon, e-mel atau mana-mana pautan di laman web.

Transaksi di mesin ATM

Jangan membenarkan pihak ketiga melakukan transaksi di mesin ATM bagi pihak anda walaupun orang yang dikenali seperti pasangan anda.

Transaksi kad kredit

Kad Kredit hendaklah digunakan sebagai kemudahan membuat bayaran dan digunakan mengikut kemampuan. Selepas sebarang transaksi menggunakan kad kredit, pastikan jumlah yang dimasukkan adalah betul dan pastikan kad kredit yang dipulangkan adalah kepunyaan anda.

Penyerahan dokumen

Berwaspada sebelum menyerahkan salinan kad pengenalan atau pasport kepada pihak ketiga, selain daripada institusi kewangan atau peguam yang bertindak bagi pihak anda.

Kemudahan perbankan internet

Jangan terpedaya untuk membuka akaun kemudahan perbankan internet hanya untuk membolehkan anda menerima hadiah atau hadiah warisan daripada mana-mana pihak yang tidak dikenali. Ini adalah satu cubaan penipuan. Jika anda telah berbuat demikian, segera hubungi dan laporkan kepada bank anda dan pihak polis untuk tindakan lanjut serta memaklumkan kepada Bank Negara.

Fungsi "memory cache"

Sila pastikan anda log keluar (log-out) secara sempurna selepas selesai menggunakan perbankan internet dan padamkan "memory cache" selepas sebarang transaksi dilakukan.

Isu Insurans**Baca kontrak polisi dengan teliti**

Anda perlu membaca dan memahami terma dan syarat polisi selepas menerima kontrak polisi daripada syarikat insurans. Anda diberi masa 15 hari dari tarikh penerimaan untuk meneliti kandungan polisi. Gunakan peluang ini untuk memastikan maklumat adalah betul dan polisi itu menepati keperluan anda. Anda hendaklah memahami had atau klausa pengecualian. Jika perlu, dapatkan penerangan lanjut daripada syarikat insurans atau ejennya.

Keperluan pendedahan

Anda mestilah mendedahkan semua fakta dalam borang permohonan sepenuhnya. Sekiranya ejen anda mengisikan borang untuk anda, baca dan faham keperluan dalam borang itu sebelum menurunkan tandatangan. Jika tidak, polisi insurans anda mungkin terbatal atau syarikat insurans boleh menolak tuntutan anda.

Pembelian polisi insurans

Anda boleh membeli polisi insurans sama ada

terus daripada syarikat insurans, menerusi ejen insurans yang sah, atau bank/institusi kewangan yang mempunyai urusan bankasurans dengan syarikat insurans. Sekiranya anda membeli polisi insurans menerusi ejen, pastikan ejen itu adalah ejen yang sah bagi mana-mana syarikat insurans. Jika anda ragu-ragu, minta bukti pendaftaran atau kad kuasa atau terus menghubungi syarikat insurans berkaitan. Semua ejen yang sah berdaftar dengan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) atau Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM).

Pembayaran premium

Anda mempunyai pilihan untuk membayar premium terus kepada syarikat insurans atau menerusi ejen. Anda hendaklah memastikan pembayaran dibuat atas nama syarikat insurans dan pastikan menerima resit rasmi. Jika boleh, elakkan daripada membuat bayaran secara tunai kepada ejen.

Skim Cepat Kaya**Pelaburan dan pengambilan deposit**

Sekiranya anda ingin membuat pelaburan pastikan syarikat berkenaan mempunyai lesen yang sah dikeluarkan oleh pihak berkuasa seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Kementerian Perdagangan Dalam neger, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Hubungi Bank Negara di talian 1-300-88-5465, SC (03-6204899/62048777) dan KPDNKK (1-800-886-800) untuk mengenalpasti status syarikat berkenaan.

Pulangan pelaburan tinggi

Berhati-hati dengan sebarang strategi pemasaran yang menjanjikan keuntungan atau pulangan yang tinggi tanpa risiko. Pulangan yang tinggi mempunyai risiko yang tinggi. Dapatkan maklumat lanjut mengenai syarikat terbabit.

SMS atau panggilan palsu

Jika anda menerima sebarang SMS atau panggilan menerusi telefon bimbit yang menjanjikan hadiah wang tunai yang lumayan dengan syarat anda terus menelefon nombor yang diberikan dalam SMS atau panggilan itu, anda perlu mengesahkan terlebih dulu dengan menghubungi pihak berkuasa seperti Bank Negara. Sentiasa berhati-hati dengan panggilan sebegini.



KAD kredit boleh digunakan bila perlu.

Sumber: Bank Negara Malaysia